



Deloitte.

SIARAN MEDIA

SME CORP. MALAYSIA MEMACU PEMERKASAAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MELALUI PROGRAM ENTERPRISE 50

Kuala Lumpur, 25 November 2022 – SME Corp. Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), telah menganjurkan Anugerah Enterprise 50 (E50) bagi meraikan pencapaian cemerlang lima puluh (50) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

Sejak tahun 1997, Anugerah E50 telah diakreditasi sebagai anugerah terkemuka yang melambangkan pencapaian dalam perniagaan dan keusahawanan. Selain itu, ianya merupakan satu pengiktirafan kepada PKS dalam mendorong perubahan ke arah peningkatan daya saing bagi merancakkan semula pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh.

YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia mengulas “Sehingga kini, SME Corp. Malaysia telah berjaya melahirkan seramai 763 penerima Anugerah E50 yang mana ada dari kalangan mereka telah berjaya memasuki penyenaiaan awam iaitu sebanyak 67 buah syarikat, serta meluaskan pasaran dan jenama syarikat di dalam dan di luar negara. Daripada 50 PKS yang menerima Anugerah E50 pada malam ini, sebanyak 50% adalah dari sektor pembuatan manakala baki 50% lagi adalah dari sektor perkhidmatan, dimana sebelum ini sektor pembuatan mendominasi sebagai pemenang E50.

Tambahan beliau, selain 50 PKS yang menerima Anugerah E50 ini, terdapat juga dua (2) Anugerah Khas, iaitu Anugerah Usahawan Wanita Terbaik E50 serta Anugerah Usahawan Eksport Terbaik E50. Ini merupakan kali pertama SME Corp. Malaysia memperkenalkan Anugerah Usahawan Eksport Terbaik bagi mengiktiraf sumbangan PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), eksport serta guna tenaga, terutamanya bagaimana syarikat terus cemerlang di era pasca Covid-19.

“Anugerah E50 terus memainkan peranan yang besar dalam mengiktiraf PKS yang berprestasi tinggi dan pencapaian cemerlang mereka, seterusnya mengakui peranan mereka dalam ekonomi. Sepanjang dekad yang lalu, kami berbesar hati untuk turut serta dalam inisiatif hebat ini bersama-sama dengan SME Corp. Malaysia dalam membina PKS Malaysia yang bersedia untuk mara. Aliran PKS Malaysia yang berkembang maju sangat menggalakkan. Lebih 56% pemenang mempunyai kemampuan eksport yang besar. Saya yakin bahawa ramai daripada mereka akan mengikut jejak langkah alumni E50, untuk kelak muncul sebagai pemain global!” jelas Yee Wing Peng, Ketua Pegawai Eksekutif Deloitte Malaysia.

Majlis Anugerah Enterprise 50 pada malam ini turut menyaksikan Benithem Sdn. Bhd. dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama Anugerah E50. Selain itu, Eskayvie Sdn. Bhd., Bubbles O2 Sdn. Bhd., Palm Fiber Sdn. Bhd., TLC Houseware Sdn. Bhd., Tishas Food Manufacturing Sdn. Bhd., Artivo Education Sdn. Bhd., Armila Berhad, Velson Packagings Sdn. Bhd. dan Fusipim Sdn. Bhd. merupakan penerima 10 teratas Anugerah E50. Manakala, Eskayvie Sdn. Bhd. dan Northeast Precision Sdn. Bhd. masing-masing menerima Anugerah Usahawan Wanita Terbaik E50 serta Anugerah Usahawan Eksport Terbaik E50.

Program ini yang dilaksanakan dengan kerjasama Deloitte Malaysia sebagai penganjur bersama serta disokong oleh rakan-rakan strategik yang terdiri dari RHB Bank Berhad, Unifi Business, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), UOB Malaysia, RAM Rating Services Berhad, Media Prima Omnia Sdn. Bhd. dan Malaysia SME, turut mengetengahkan dan mempamerkan perusahaan yang berdaya saing serta mampu beralih dari pasaran domestik ke pasaran global.

Di antara tetamu kehormat yang turut hadir pada Majlis Anugerah E50 ialah YBhg. Dato’ Suriani binti Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP); YBhg. Dato’ Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia dan YBrs. Encik Yee Wing Peng, Ketua Pegawai Eksekutif, Deloitte Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program *Enterprise 50 (E50)*, sila layari www.smecorp.gov.my atau email info@smecorp.gov.my atau hubungi 1300 30 6000.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Laman web: www.smecorp.gov.my

Pengarah

**Bahagian Komunikasi Strategik
(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)
Tel : 03-27756203 atau 016-3322121
Email : rozaila@smecorp.gov.my**

DELLOITE MALAYSIA

Deloitte merujuk kepada salah satu atau lebih daripada Deloitte Touche Tohmatsu Limited (“DTTL”), jaringan global firma anggotanya, serta entiti-entiti yang berkaitan dengannya. DTTL (juga dirujuk sebagai “Deloitte Global”) dan setiap firma anggotanya serta entiti berkaitan dengannya, adalah entiti yang bebas dan berasingan dari segi undang-undang. DTTL tidak menyediakan perkhidmatan kepada klien. Sila kunjungi www.deloitte.com/about untuk penerangan lanjut.

Deloitte terkemuka di peringkat global bagi perkhidmatan audit, percukaian, perundingan dan khidmat nasihat kewangan kepada pelanggan awam dan swasta, merentasi pelbagai industri. Dengan rangkaian firma ahli yang terhubung secara global di lebih 150 negara dan wilayah, Deloitte memberi perkhidmatan kepada empat daripada lima syarikat Fortune Global 500®. Ketahui bagaimana 415,000 anggota Deloitte membuat impak yang bermakna di www.deloitte.com.

Deloitte Asia Pacific Limited adalah syarikat berhad menurut jaminan dan sebuah firma anggota DTTL. Anggota-anggota Deloitte Asia Pacific Limited dan entiti berkaitannya, masing-masing merupakan entiti yang bebas dan berasingan dari segi undang-undang, menyediakan perkhidmatan dari lebih daripada 100 bandar di seluruh rantau, termasuk Auckland, Bangkok, Beijing, Hanoi, Hong Kong, Jakarta, Kuala Lumpur, Manila, Melbourne, Osaka, Seoul, Shanghai, Singapura, Sydney, Taipei dan Tokyo.

Di Malaysia, perkhidmatan adalah disediakan oleh Deloitte PLT (LLP0010145-LCA) (AF0080), sebuah perkongsian liabiliti terhad yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia, dan syarikat gabungannya.